

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 JANUARI 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 16

Pelaksanaan PADU jimatkan masa, wang negara

Pelaksanaan PADU jimatkan masa, wang negara

Putrajaya: Pelaksanaan Pangkalan Data Utama (PADU) akan dapat mempertingkatkan penyampaian khidmat kerajaan dan pada masa sama dapat menjimatkan masa serta wang negara, demikian menurut Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, dengan adanya pangkalan data bersepadu menerusi PADU, komunikasi strategik bagi program kerajaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan menepati kumpulan sasaran.

Katanya, pelaksanaan program lebih mudah dengan kumpulan sasaran boleh dihubungi secara langsung berbanding mengadakan jelajah satu negara untuk promosi dan pendaftaran.

Menerusi PADU, katanya, GovTech (revolusi perkhidmatan sek-

tor awam dengan mengintegrasikan operasi kerajaan ke dalam satu platform digital yang serba lengkap dan berkesan) boleh dilaksanakan dengan aplikasi kerajaan diwajibkan menerusi tingkap tunggal.

"PADU diputuskan untuk menjadi pangkalan data utama dan tulang belakang kepada GovTech. Kita tidak boleh buat GovTech tanpa ada data bersepadu," katanya pada Majlis Amanat Menteri Ekonomi yang diadakan di sini, semalam.

Rafizi berkata, PADU akan ambil masa untuk orang ramai mula faham dan beliau berpendapat, dengan adanya pangkalan data bersepadu itu, ia akan mengubah dan menambah baik kecekapan khidmat awam.

Beliau berkata, apabila se-

Berhati-hati beri maklumat

Kuala Lumpur: Orang awam dinasihatkan berhati-hati memberi sebarang maklumat kepada pihak tidak dikenali, terutama dalam perkara berkaitan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU).

Kementerian Ekonomi dalam kenyataan melalui X, semalam menjelaskan pihaknya tidak pernah mengeluarkan sebarang tinjauan berhubung sistem PADU.

"Untuk makluman semua, Kementerian Ekonomi tidak pernah mengeluarkan sebarang tinjauan mengenai sistem PADU.

"Kami mendapati ada satu tinjauan menerusi Google Form yang meminta maklumat mengenai sistem PADU.

"Kami menasihati orang awam supaya berhati-hati ketika memberikan sebarang maklumat kepada pihak tidak dikenali," katanya.

bahagian, besar khidmat dan urusan kerajaan dibuat secara digital menerusi GovTech, maka kerajaan akan ada titik data yang mencukupi untuk mulakan ke-

cerdasan buatan (AI) yang membolehkan pertanyaan awam dikendalikan AI.

Katanya, dengan titik data mencukupi, algoritma boleh di-

lakukan secara tepat dan membolehkan tugas penjawat awam menumpukan perkara berimpak tinggi.

PADU dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2 Januari lalu dan pendaftarannya dibuka sehingga 31 Mac 2024 bagi membolehkan orang ramai mengemas kini serta mengesahkan maklumat peribadi seperti nombor kad pengenalan, bilangan isi rumah dan alamat.

Semua rakyat berusia 18 tahun ke atas perlu mendaftar dan membuat semakan data di portal PADU iaitu <https://padu.gov.my/>.

Bagi individu yang tidak mempunyai akses internet, pendaftaran boleh dilakukan di Pejabat Operasi Negeri Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) atau Pusat Ekonomi Digital (PEDi).